

Komunikasi Aspek Intralinguistik dan Ekstralinguistik Untuk Penutur Asing

(Communication of Intralinguistic and Extralinguistic Aspects for Foreign Speakers)

Juwairiah Osman^{1*}, Mardian Shah Omar²

¹Jabatan Linguistik Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: juwairiahosman@um.edu.my

²Jabatan Linguistik Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: mardianso@um.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Juwairiah Osman

(juwairiahosman@um.edu.my)

KATA KUNCI:

Intralinguistik

Ekstralinguistik

Bahasa Melayu

Penutur Asing

Mahasiswa Antarabangsa

KEYWORDS:

Intralinguistics

Extralinguistics

Malay

Foreign Speakers

International Students

CITATION:

Juwairiah Osman, & Mardian Shah Omar. (2025). Komunikasi Aspek Intralinguistik dan Ekstralinguistik Untuk Penutur Asing. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 10(9), e003397. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i9.3397>

ABSTRAK

Pengantarabangsaan bahasa Melayu dilaksanakan dalam pelbagai medium demi menyahut seruan silang budaya global. Salah satunya subbidang yang menyahut seruan tersebut ialah pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing atau kepada penutur asing. Penutur asing didapati sangat sukar untuk membina pola ayat asas (dengan rumus nahu dan penekanan kepada frasa, F;N/K/A/T) untuk digunakan dalam perbualan harian {prioriti domain bersignifikan}. Hal ini adalah berdasarkan kajian literatur di Malaysia dan di peringkat luar negara. Kajian berbentuk inovasi ini bertujuan dan ingin mengetengahkan kaedah memahami pola ayat asas (intralinguistik) dalam kemahiran komunikasi kepada mahasiswa antarabangsa di institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia. Terdapat empat buah universiti yang dipilih bagi kajian inovasi ini. Responden kajian ialah seramai sepuluh orang mahasiswa/i antarabangsa [penutur asing, PA] yang terpilih. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kuantitatif dan kualitatif. Pola ayat asas ini adalah dengan pendekatan mempelajari subjek-predikat di antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta bahasa pertama atau bahasa ibunda mahasiswa. Inovasi ini dijelaskan melalui kerangka pola ayat yang diutarakan dalam sistem bahasa Melayu standard dan unsur linguistik oleh salah seorang pakar penguasaan bahasa asing, iaitu Model Gardner (2010), dan disokong oleh Kerangka Konsep Wenying (2009). Pola ayat ini lebih menarik dan interaktif dipelajari apabila menyertakan pendekatan dimensi motivasi (ekstralinguistik) yang kukuh kepada PA sepertimana yang dianjurkan oleh model tersebut.

ABSTRACT

The internationalization of the Malay language is carried out through various mediums to respond to the call of global cross-cultural exchange. One of the subfields that responds to this call/vision is the teaching of Malay as a foreign language or to foreign speakers. Foreign speakers find it very difficult to construct basic sentence patterns/structure (with grammatical rules and emphasis on phrases, F;N/K/A/T) for use in daily conversations {significant domain priority}. This is based on literature reviews in Malaysia and internationally. This innovative study aims to highlight methods for understanding basic sentence patterns/structure (intralinguistic) in communication skills for international students at public and private higher education institutions in Malaysia. There are four universities selected for this innovation study. The study respondents consisted of ten selected international students [foreign speakers, PA]. The research methods used are quantitative and qualitative methods. The basic sentence structure is approached by studying the subject-predicate between Malay and English as well as the students' first language or mother tongue. This innovation is explained through the sentence structure framework proposed in the standard Malay language system and linguistic elements by one of the foreign language proficiency experts, namely the [Gardner's \(2010\)](#) Model, and supported by [Wenying's \(2009\)](#) Conceptual Framework. This sentence structure is more engaging and interactive to learn when it includes a strong extralinguistic motivational dimension approach to PA, as recommended by the model.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kajian ini ialah mendapati bahawa pembelajaran bahasa perlulah bermula dengan perkara asas dan berinovasi dengan perkara tersebut, iaitu memahami cara membina pola ayat asas dengan menyusun kata dalam pola ayat (intralinguistik) dengan sokongan aspek motivasi (ekstralinguistik). Ini memudahkan komunikasi oleh penutur asing yang mempelajari bahasa Melayu.

1. Pengenalan

Pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing merupakan satu pembelajaran yang sangat menarik dalam usaha mengantarabangsakan bahasa kebangsaan negara Malaysia. Apatah lagi ia memberi kelebihan kepada penutur asing dan mahasiswa antarabangsa yang mempelajarinya. Sehubungan itu, kajian ini ingin menelusuri kajian berkaitan dengan subbidang ini dan menghasilkan inovasi yang dapat membantu pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing.

[Klimova et al. \(2023\)](#) menyatakan bahawa pembelajaran bahasa merangkumi bahasa asing sangat mempengaruhi pemikiran masyarakat kerana kemahiran berbahasa mampu meningkatkan fungsi kognitif dan bukan kognitif (afektif) mengembangkan rangkaian sosial penutur dan meningkatkan banyak pemindahan maklumat. Kajian dan inovasi ini menjurus kepada penambahbaikan yang ingin dicadangkan kepada pembinaan pola ayat asas. Ia dapat membantu pembinaan pola ayat lazim seperti yang

terdapat dalam silibes/sukatan yang terdapat dalam sukatan kursus Bahasa Melayu Komunikasi.

Melalui sukatan kursus tersebut, salah satu permasalahan yang wajar dikupas ialah kaedah mudah memahami membina pola ayat asas kepada penutur asing. Kajian ini juga mengetengahkan elemen yang mampu menaikkan motivasi penutur asing mempelajari bahasa Melayu. Kedua-dua ini adalah melalui satu penginovasian pembelajaran bahasa. Sebahagian mahasiswa antarabangsa menyetujui terhadap kaedah pola pembinaan ayat melalui kaedah Inovasi Aspek Intralinguistik dan Ekstralinguistik untuk Penutur Asing (AIE.PA). Inovasi AIE.PA adalah kaedah mudah untuk menyusun perkataan dalam pola ayat asas. Ini dibincangkan melalui dapatan kajian.

Sebagai pengenalan, bagaimana teretusnya inovasi ini dapat dilihat fenomena pembelajaran bahasa asing di negara Malaysia yang sangat rancak dijalankan merangkumi pelbagai bahasa. Hal ini tidak kurang diperhatikan dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing khususnya kepada mahasiswa antarabangsa atau boleh dipanggil juga sebagai bakal profesional yang melanjutkan pengajian di negara Malaysia ini. Mereka ini diwajibkan mengambil kursus bahasa Melayu komunikasi selama satu semester. Namun, pelbagai permasalahan yang timbul. Antara yang utama ialah membina ayat mudah dan ringkas untuk berbual-bual dan berkomunikasi dengan kita sebagai rakyat Malaysia. Shubungan dengan itu, objektif kajian ini ialah mengetengahkan kaedah memahami pola ayat asas (intralinguistik) dalam kemahiran komunikasi dalam kalangan mahasiswa antarabangsa di institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia dan ia adalah berbentuk inovasi atau cara memahami pola ayat dengan kaedah lebih mudah dan penekanan semula pada sistem bahasa.

2. Sorotan literatur

Kajian literatur yang dijalankan secara terperinci dan meluas, iaitu [Juwairiah et al. \(2024; 2023; 2021\)](#), [Mardian dan Mashrom \(2019\)](#), [Mardian \(2018\)](#), [Gardner \(2010; 2005; 1959\)](#), [Wenyng \(2009\)](#) dan banyak lagi. Ini membuktikan bahawa masalah yang dihadapi oleh mahasiswa/i antarabangsa yang datang ke Malaysia (penutur asing) ialah menyusun perkataan dalam struktur ayat/pola ayat asas. Kajian [Juwairiah et al. \(2024\)](#) misalnya telah membincangkan secara kritis tentang komunikasi intralinguistik dalam pola ayat yang dikenal sebagai intralinguistik yang sering disusun salah oleh mahasiswa antarabangsa. Beliau menyokong aspek intralinguistik lebih kuat dan kukuh dipelajari apabila menyertakan dimensi motivasi yang pelbagai di dalam dan luar kelas.

[Juwairiah et al. \(2023\)](#) membincangkan aspek intralinguistik dan mengetengahkan istilah "intralinguistik" dalam membantu penguasaan bahasa Melayu kepada penutur asing. [Juwairiah et al. \(2022b\)](#) mengenal pasti aspek intralinguistik yang diaplikasikan oleh 10 orang tenaga pengajar dalam pembelajaran bahasa Melayu kepada penutur asing. Kajian ini turut menghuraikan kepentingan aspek intralinguistik dan menjelaskan bagaimana hal ini dapat meningkatkan minat dan prestasi pelajar antarabangsa atau penutur asing. Kajian ini mengambil kira sesi temu bual ke atas tenaga pengajar di institusi terpilih. [Juwairiah et al. \(2022a\)](#) pula membincangkan aspek intralinguistik yang digunakan oleh tenaga pengajar dalam pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing. [Juwairiah et al. \(2021\)](#) pula menekankan penggunaan dan manfaat teknologi dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Kajian oleh [Mardian dan Mashrom \(2019\)](#) pula membincangkan tentang kepentingan penggunaan telefon pintar dalam pembelajaran yang menarik. Ini termasuklah pembelajaran frasa asas dan pola ayat asas. [Mardian \(2018\)](#) membincangkan senario kelas pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing di universiti, tahap yang ditawarkan, status subjek dan jam kredit yang ditawarkan kepada mahasiswa antarabangsa. [Mardian et al. \(2018a\)](#) menghuraikan halangan dalam berbahasa Melayu dalam kalangan pelajar Indonesia di Malaysia, iaitu merangkumi gangguan pemilihan perkataan, gangguan binaan frasa, gangguan ejaan dan gangguan binaan ayat. [Mardian et al. \(2018b\)](#) pula mengupas mengenai beberapa halangan yang dihadapi oleh pelajar Indonesia dalam mempelajari bahasa Melayu, iaitu dalam aspek mendengar, pemilihan kosa kata, sebutan dan susunan struktur ayat.

Kajian oleh [Gardner \(2010\)](#) memurnikan dan mengemukakan hasil kajian terkini berdasarkan kajian-kajian beliau sejak tahun berabad-abad yang lalu tentang pembelajaran bahasa asing dengan motivasi dari sudut linguistik dan bukan linguistik.

[Wenyng \(2009\)](#) dalam kajiannya membincangkan struktur ayat atau susunan kata dalam pembelajaran bahasa asing. Perbandingan susunan kata daripada bahasa Cina dan bahasa Inggeris dianalisis bagi melihat persamaan, perbezaan, penambahan dan pengguguran frasa dalam setiap ayat. Elemen struktur ayat ini dikenali sebagai intralinguistik. Penyelidikan disertasi yang dibukukan ini dijalankan secara terperinci mengenai susunan kata dalam penguasaan bahasa asing untuk memudahkan pembelajaran bahasa asing dalam kalangan mahasiswa di Universiti Queensland, Australia. Konsep-konsep susunan kata (*word order*) diberikan untuk memudahkan kemahiran susunan kata.

Kajian dan penyelidikan rintis dan awal telah lama dijalankan mengenai pembelajaran bahasa atau inovasi AIE.PA (Aspek Intralinguistik dan Esktralinguistik untuk Penutur Asing) atau mahasiswa antarabangsa. Pembelajaran bahasa telah dikenal pasti satu kajian yang menarik berdasarkan kajian-kajian lepas sejak diperhatikan dan diselidiki oleh penyelidik sejak 2012. Kemudian, tahun demi tahun kajian ini dikembangkan dari pelbagai aspek termasuklah aspek strategi, penggunaan teknologi dan aplikasi, pembelajaran mengikut tahap keupayaan dan terkini menumpukan kepada akar umbi pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing,, iaitu aspek susunan kata dalam pola ayat asas. Ini disokong dengan pelbagai dimensi motivasi oleh model [Gardner \(2010\)](#) dan [Wenyng \(2009\)](#).

Kajian oleh [Abdullah et al. \(2023\)](#) membincangkan tentang strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing. Kupasan mengenai pembelajaran melibatkan frasa nama, frasa adjektif dan sebagainya dibincangkan untuk panduan tenaga pengajar dan penutur asing. Juga yang dibincangkan ialah binaan struktur ayat, bagaimana mengatasi kecelaruan morfologi, nahu, pengaruh bahasa ibunda, pengaruh bahasa kedua, pengaruh budaya berbilang bangsa di Malaysia dan pengaruh budaya pelbagai negara dalam satu kelas dengan pelbagai latar sosial penutur asing.

Satu kompilasi kertas kerja mengenai pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing telah diterbitkan daripada persidangan meja bulat yang diadakan di Pusat Penyelidikan Langkawi, UKM. Ia berlangsung pada tahun 2018. Persidangan ini melibatkan kebanyakan tenaga pengajar dalam kalangan guru bahasa dan pensyarah kanan yang terlibat secara langsung dan berpengalaman dalam kursus bahasa Melayu untuk penutur asing/mahasiswa antarabangsa. Justeru, kertas kerja ini telah ditelesuri

yang rata-rata menunjukkan pentingnya pembelajaran frasa, motivasi, pembelajaran ayat dan pembelajaran mengikut tahap keupayaan serta penyelarasan penawaran kursus.

Dalam situasi kajian ini, aspek intralinguistik tersebut yang dikaji dapat disokong dan dikukuhkan dengan dimensi motivasi pelbagai yang berstrategi bagi melonjakkan ujaran ayat mudah daripada alat artikulasi mereka untuk berani menuturkan dan menggunakan bahasa Melayu asas. Jika tidak, mereka hanya mempelajari untuk lulus tanpa ada kesan yang hebat dalam komunikasi asas bahasa Melayu. Hal ini sudah tentu menjadi sia-sia jika dipandang enteng dan dibiarkan tanpa ada inovasi dan penambahbaikan yang berterusan.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif, iaitu soal selidik kepada mahasiswa atau pelajar antarabangsa (penutur asing) dan statistik mudah serta kaedah kualitatif deskriptif berpandukan model atau kerangka teori. Sebelum memulakan kajian, pemerhatian dijalankan secara tidak langsung dan langsung dalam durasi tempoh 2012 hingga 2018. Dalam tempoh tersebut, kajian dilihat dalam fenomena subbidang pembelajaran bahasa kepada penutur jati, penutur natif dan penutur asing secara rawak.

Dari aspek persampelan, pengkaji telah memilih seramai 10 orang responden mahasiswa/i antarabangsa yang telah mengambil kursus bahasa melayu komunikasi di universiti awam dan swasta. Mereka ini dilabel sebagai penutur asing 1 (PA1), penutur asing 2 (PA2) hinggalah ke penutur asing 10 (PA10). Mereka ini adalah pelajar antarabangsa dari empat buah universiti yang dipilih dan pelajar tersebut adalah yang terpilih melalui pemilihan secara rawak. Pilihan universiti tersebut dan sampel kajian ini juga adalah berdasarkan individu dan mereka yang bersetuju untuk memberikan kerjasama menjawab soal selidik dan beberapa orang pelajar antarabangsa mewakili setiap universiti. Responden kajian tersebut juga dibataskan melalui saranan dan sokongan oleh kaedah *Judgment and Opportunistic Sampling* oleh Burgess (2006) yang mengambil kira pemilihan latar dan responden adalah berdasarkan kriteria yang dipilih oleh pengkaji, iaitu sama ada memilih informan yang mudah bekerjasama dengan pengkaji ataupun yang mempunyai latar belakang seperti yang dikehendaki oleh pengkaji bagi tujuan kajiannya. Burgess (2006) turut menyatakan bahawa dalam sesetengah perkara, teknik atau kaedah pengumpulan data boleh ada beberapa pengubahsuaian untuk disesuaikan oleh pengkaji ke atas kajian yang akan dijalankan nanti.

Responden ini dipastikan telah mengikuti kursus Bahasa Melayu Komunikasi di universiti yang mana kursus wajib sebagai syarat bergraduasi. Lokasi universiti adalah sekitar di Kuala Lumpur, Lembah Klang, negeri-negeri di Semenanjung, iaitu yang berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji dan responden. Sebelum menjalankan soal selidik kepada mahasiswa antarabangsa, pengkaji telah memohon kebenaran secara bertulis daripada pihak fakulti yang terlibat. Ini dilakukan bagi menjamin protokol mendapatkan data bersifat lebih sistematik dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak, di antara pengkaji, pengurusan universiti berkaitan dan responden kajian.

Seterusnya, pengkaji memilih salah satu subjek kajian sahaja, iaitu penutur asing (mahasiswa antarabangsa). Sejak dalam durasi tempoh itu, kajian diperhalusi dengan melihat fenomena semasa dalam isu bahasa Melayu untuk penutur asing dan mahasiswa


antarabangsa di universiti awam dan swasta terpilih. Kronologi pemerhatian dan kajian rintis ini terus giat dan mendalam dijalankan semenjak tahun 2017 dan dipaparkan dalam [Jadual 1](#). [Jadual 1](#) tersebut dibina untuk memaparkan kronologi teradun pembelajaran bahasa untuk penutur asing dan kronologi penelitian keperluan kepada kajian pembinaan pola ayat asas.

Jadual 1: Kronologi Penelitian Keperluan Pembinaan Pola Ayat Asas F; N,K,A,T sehingga terhasil Inovasi AIE.PA

Tahun	Kronologi Penelitian Keperluan Pembinaan Pola Ayat Asas
2012-2020	Kajian lietratur bagi bidang Bahasa Melayu untuk Penutur Asing (BMUPA) dan Penguasaan Bahasa Asing (PBA)
2017-2021	Melakukan pemerhatian terhadap fenomena semasa BMUPA dan PBA
2022	Skop dan batasan kepada bidang linguistik terapan secara spesifik, iaitu pembelajaran bahasa Melayu kepada penutur asing/ pelajar antarabangsa & cetusan menghasilkan inovasi AIE.PA
2023	Inovasi AIE.PA diperluas dan diketengahkan dalam pertandingan inovasi
2024	Inovasi yang dihasilkan telah mantap dan dipertandingkan lagi

Lantaran itu, pada tahun 2020, ia memilih satu aspek yang lebih berfokus dan terperinci, iaitu aspek pola ayat asas khususnya dalam menyusun kata. Aspek ini tergolong dalam intralinguistik. Satu kajian mengenai aspek susunan kata ini pernah dikaji oleh [Wenyng \(2009\)](#) yang berfokus kepada susunan kata. Susunan kata atau struktur ayat daripada bahasa sumber kepada bahasa asing. Aspek intralinguistik disokong dengan elemen ekstralinguistik. Aspek ekstralinguistik yang sangat berperanan dalam memotivasi dan melonjakkan praktis menyusun ayat dan berkomunikasi ditekankan oleh Model [Gardner \(2010\)](#). Kedua-dua aspek intralinguistik dan ekstralinguistik ini membentuk satu integrasi gabungan model atau teori yang mempengaruhi kebolehan penutur asing untuk bercakap dalam bahasa Melayu asas. Ini dapat ditunjukkan dalam kerangka model seperti di [Rajah 1](#).

Rajah 1: Integrasi Gabungan Model [Wenyng \(2009\)](#) dan [Gardner \(2010\)](#)



Integrasi gabungan model inilah yang digunakan untuk menghuraikan data secara deskriptif (kualitatif) dan bersandarkan kepada model, seterusnya mengaitkan dan

menjelaskan melalui dapatan soal selidik. Ini disokong oleh Ghazali et al. (2021) yang menyatakan kaedah kualitatif dapat meneroka secara lebih mendalam melalui paduan dan sokongan pelbagai sumber data. Aspek susunan kata diambil daripada kajian yang diutarakan oleh Kerangka Konsep Wenying (2009). Wenying (2009) menekankan setiap susunan kata bagi pola ayat asas, pertengahan dan lanjutan mempunyai sistem melibatkan subjek, kata kerja dan objek. Dalam bahasa Inggeris SVO. *Subject, Verb* dan *Object*. Tapi ia boleh menjadi OSV, SOV dan sebagainya mengikut padanan makna bahasa yang digunakan. Sama ada bahasa Inggeris, bahasa ibunda penutur asing atau bahasa pertama penutur asing. Gardner (2010) pula menegaskan dua motivasi penting dalam pembelajaran bahasa asing, iaitu motivasi integratif dan motivasi instrumental. Motivasi integratif menekankan penutur asing bersemangat belajar bahasa asing apabila niat mereka untuk berkomunikasi dengan penutur jati atau penutur bahasa sasaran yang dipelajari dan mahu memahami kebudayaan. Motivasi instrumental pula, penutur asing bersungguh-sungguh belajar bahasa asing kerana mahukan ganjaran tertentu apabila dapat berkomunikasi dalam bahasa asing. Hal ini akan dikupas dan disintesis secara deskriptif dalam dapatan dan perbincangan.

4. Dapatan Kajian

Sebelum mengajar penutur asing tentang bahasa Melayu, tenaga pengajar atau mahasiswa/i itu sendiri perlu mengenal pasti bahasa pertama dan kedua yang menjadi rujukan. Bahasa pertama perlu diketahui serba sedikit bagi membimbing padanan makna bagi penutur asing yang sering memadankan makna dengan bahasa pertama atau bahasa ibundanya. Bahasa kedua, iaitu bahasa Inggeris yang akan difokuskan dalam perbincangan kerana ia adalah bahasa sumber kepada semua tenaga pengajar ketika mengajar. Dan yang difokuskan dalam kajian, iaitu 10 orang penutur asing/ pelajar antarabangsa atau dipanggil sebagai responden kajian di institusi pendidikan tinggi di Malaysia (PA1, PA2, PA3, PA4, PA5, PA6, PA7, PA8, PA9, PA10). Hasil dapatan menunjukkan bahasa pertama dan kedua mereka ialah seperti yang terdapat dalam [Jadual 2](#) dan [Jadual 3](#).

Jadual 2: Bahasa pertama yang juga menjadi bahasa ibunda responden kajian dalam inovasi

Item	Peratus
Bahasa Cina	54.0
Bahasa Arab	28.0
Bahasa Bangla/Benggali	10.0
Bahasa Urdu	3.0
Bahasa Parsi	2.0
Bahasa Inggeris	3.0
Total	100.0

Bahasa pertama dan bahasa kedua yang terdapat dalam [Jadual 2](#) dan [Jadual 3](#) ini mempengaruhi pembinaan pola ayat asas dalam kalangan penutur asing. Ini dapat dilihat perbincangannya dalam subtopik *Frasa Nama + Frasa Nama*. Seterusnya, kaedah membina pola ayat asas (dengan rumus nahu dan penekanan kepada frasa, F;N/K/A/T) diterangkan pada perenggan selepas ini dengan contoh-contoh ayat yang konkrit. Kaedah membina pola ayat asas ada penerangan seperti berikut.

Jadual 3: Bahasa kedua yang digunakan oleh mahasiswa/responden kajian untuk tujuan belajar bahasa Melayu sebagai bahasa asing

Item	Peratus
Bahasa Inggeris	75.0
Bahasa Arab	14.0
Bahasa Kantonis	3.0
Bahasa Yoruba	6.0
Bahasa Cina	2.0
Total	100.0

Sebelum membicarakan mengenai penguasaan ayat dan frasa dalam konteks memberikan ruang berkomunikasi kepada penutur asing ini, mari kita lihat prinsip binaan kata asas yang dikaji oleh penyelidik antarabangsa. Antaranya, ialah *Greenberg Pattern Principle* (GPP) mengutarakan prinsip dengan meletakkan tiga set kriteria dalam susunan kata bagi bahasa-bahasa dunia. Sehubungan itu, dalam kajian [Wenyang \(2009\)](#) yang memfokuskan kepada bahasa Cina sebagai bahasa asing kepada pelajar-pelajarnya dapat diklasifikasikan kepada beberapa sub-prinsip dan jenis sub-prinsip yang mendasari tatabahasa bahasa tersebut. Ini melibatkan penutur asing di Universiti Queensland, Australia (penutur natif bahasa Inggeris). Sub-prinsip tersebut ialah *The Principle of Modifier Before Head (MBH)* (prinsip pengubahsuaian sebelum asas utama (subjek utama dalam ayat/ MBH), prinsip urutan temporal/ *The Principle of Temporal Sequence (PTS)* berkaitan masa dan ruang dan prinsip keseluruhan sebelum bahagian tertentu dalam ayat/ *The Principle of Whole Before Part (WBP)*. GPP menegaskan tentang kaedah dan corak susunan kata bagi sesuatu bahasa. Dalam konteks penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa asing, ia sangat bergantung kepada prinsip subjek dan predikat serta hukum diterangkan dan menerangkan.

Apatah lagi apabila memfokuskan kepada frasa paling asas untuk ayat-ayat asas dalam perbualan harian. Dalam sebahagian bahasa, prinsip susunan kata menetapkan unsur penerang sebelum ayat judul atau apa yang ingin diperkatakan. Begitu juga dalam bahasa Melayu. Dalam bahasa Melayu boleh dilihat bahawa frasa nama mudah seperti “kereta ayah” yang adakalanya disusun salah oleh penutur asing (PA1, PA3, PA5) menjadi “ayah kereta” kerana mengikut susunan dalam bahasa Inggeris “*my father’s car*”. Satu contoh lagi “membaca buku” dipadankan menjadi “*reading the book*”. Jika dilihat dalam padanan tersebut bagi frasa nama jelas menunjukkan binaan frasa yang menetapkan unsur linguistik diterangkan dan menerangkan. Walau bagaimanapun, bagi frasa kerja tersebut boleh dijelaskan dengan prinsip subjek dan predikat tetapi terdapat penggunaan “*the*” di situ. Penggunaan “*the*” mengandungi beberapa fungsi dari sudut sistem bahasa. “*the*” adalah untuk perkara yang telah disebut sebelumnya termasuk yang melibatkan kata dan frasa kerja (V), kata nama + kata nama, kata nama + kata adjektif, perwakilan nama benda dan haiwan, nombor kardinal, nama kebangsaan serta nama yang menerangkan keluarga. Namun, “*the*” tidak digunakan pada nama tempat, misalnya, nama permainan dan nama menu. Contoh lain dalam bahasa asing seperti bahasa Arab pula adalah seperti “*al*” dalam bahasa Arab pula adalah digunakan untuk kata nama dan bukan untuk kata kerja. “*al*” menunjukkan penentuan kepada kata nama dan kata nama khas. Maka, perkara ini menekankan setiap kata dan frasa mestilah mengikut sistem bahasa asing yang dipelajari. Jika berlaku kesilapan (*error*) susunan kata pasti terdapat pengaruh bahasa ibunda atau bahasa sumber yang digunakan. Maka, kewujudan kata tersebut menentukan bagaimana penggunaan frasa selepasnya.

Selanjutnya, penguasaan frasa bahasa Melayu sebagai bahasa asing bagi membolehkan mahasiswa antarabangsa atau penutur asing mendapat ruang berkomunikasi secara asas ialah salah satu kaedah mempraktikkan frasa-frasa mudah ketika berjumpa dan berkomunikasi dengan mereka. Antaranya, “nama saya” (kesilapan menyusun frasa oleh PA1, PA3, PA5), “nama awak” (kesilapan menyusun frasa oleh PA1, PA3, PA5), “kereta saya” (kesilapan menyusun frasa oleh PA1, PA3, PA5), “rumah besar” (kesilapan menyusun frasa oleh PA2, PA4, PA5, PA10), “basikal awak”, seterusnya frasa di kelas misalnya, seperti “buku saya” (kesilapan menyusun frasa oleh PA1, PA3, PA5, PA7, PA8, PA9), “buku dia” (kesilapan menyusun frasa oleh PA1, PA3, PA5) atau frasa perbualan harian yang biasanya digunakan seperti “terima kasih”, “sama-sama”, “boleh”, “tidak boleh”, “tolong”, “apa”, “di mana”, “kenapa”, “bagaimana” dan sebagainya. Walaupun ini frasa mudah, namun yakinilah mahasiswa antarabangsa sangat memerlukan kontak perbualan sebenar daripada penutur jati. Takkanlah kita sebagai rakyat Malaysia tidak boleh memberi ruang sedikit kepada mereka untuk berkomunikasi dengan kita dalam bahasa Melayu. Kenapa mesti seratus peratus bercakap dalam bahasa Inggeris dengan mahasiswa antarabangsa atau penutur asing ini? Adakah kita ingin mencuba bahasa asing, iaitu bahasa Inggeris juga? Jika demikian bagai dikata, apalah salahnya kita tonjolkan identiti kita sebagai rakyat Malaysia dengan berkomunikasi dalam sepatah dua dengan mereka dalam bahasa Melayu. Sekurang-kurangnya dalam frasa-frasa tersebut. Inilah dimensi motivasi yang penutur asing perlukan.

Justeru, perbincangan mengenai pola ayat ini dibincangkan setelah melihat dengan teliti pembinaan ayat kompleks, wacana perbualan penutur fasih sehingga mereka yang tidak langsung dapat bertutur. Kebanyakan penutur asing atau mahasiswa/i antarabangsa ini mengakui dalam kajian bahawa mereka tidak dapat bertutur dan lupa akan perkataan asas sekalipun, iaitu paling mudah “saya nama- nama saya” dan sebagainya. Mereka memerlukan asas yang kukuh tentang frasa nama + frasa nama (nama saya, ayah saya, kawan saya, ibu saya, umur saya), frasa kerja (saya makan, saya beli, saya membaca, saya menaiki), frasa adjektif (perempuan cantik, lelaki tinggi, rambut kerinting) dan kata tugas (atau, dan, dengan, dari, dan, atau) dengan sangat jelas dan praktik dalam perbualan harian. Hal ini dapat ditunjukkan penelitiannya seperti rajah kronologi penelitian dan kronologi teradun terhasilnya inovasi aie.pa.

Inovasi AIE.PA adalah rentetan daripada kajian-kajian dan penyelidikan-penyelidikan yang telah dijalankan sejak 2017 lagi. Malah, 2012 lagi kajian mengenai bahasa Melayu untuk penutur asing telah dilakukan pemerhatian mengenai permasalahan yang timbul dalam komunikasi berbahasa asas. Jadi, pengiktirafan yang diperoleh ini hanyalah peringkat demi peringkat yang dilalui untuk menghasilkan satu inovasi pembelajaran bahasa yang terbaik dan berkesan dari masa ke masa. Begitu juga dengan setiap rangka pembelajaran yang dihasilkan didaftarkan dalam hak cipta terpelihara.

Walau bagaimanapun, pada 2020 dan 2021, inovasi ini mengorak langkah yang sangat efisien dan lebih serius serta mendalam. Hal ini apabila penyelidikan ditumpukan kepada aspek yang benar-benar ingin diperhalusi, iaitu aspek intralinguistik (susunan kata/ struktur ayat) yang terangkum dalam morfologi. Aspek ini diteliti lagi dengan memfokuskan kepada tahap asas dalam kalangan mahasiswa antarabangsa yang mengambil kursus wajib bahasa Melayu di universiti awam dan swasta terpilih dan mereka yang mahu memberi kerjasama untuk memastikan hasil kajian terbaik dan bersesuaian dalam bahasa Melayu untuk penutur asing. Maka, pada tahun tersebut, kajian ini yang dihasilkan selama beberapa tahun telah dipertandingkan di peringkat antarabangsa dan memenangi pingat emas. Setelah itu, kajian ini diperhalusi lagi

sehingga tahun 2024 dan menyertai pertandingan IUCEL dan KNOVASI serta memenangi pingat perak untuk pertandingan tersebut. Jadi, antara pengiktirafan pada tahun 2021, 2022 dan 2024 dalam mengetengahkan inovasi mengenai intralinguistik dan ekstralinguistik dalam pertandingan ialah:

i. Pingat Emas

Tajuk Inovasi: Pendekatan Intralinguistik: Pendekatan Modul Digital BMUPA Dalam Tempoh Pandemik Covid-19

Nama Pertandingan: Seminar Penyelidikan dan Pertandingan Inovasi Peringkat Antarabangsa Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail. Tahun 2021

ii. Pingat Emas

Tajuk Inovasi: Aspek Intralinguistik dan Ekstralinguistik dalam Penguasaan Bahasa Melayu untuk Penutur Asing (AIE.PA)

Nama Pertandingan: International Virtual: Educational Design, Invention and Innovation Competition. Tahun 2022

iii. Pingat Perak

Tajuk Inovasi: Aspek Intralinguistik dan Ekstralinguistik untuk Penutur Asing (AIE.PA)

Nama Pertandingan: Karnival Universiti Antarabangsa Dalam E-Pembelajaran (IUCEL) & Kongres dan Pertandingan Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (KNOVASI). Tahun 2024

Kajian aspek intralinguistik dan ekstralinguistik dapat diperhalusi dalam beberapa frasa yang menyusunnya. Ia dapat digambarkan dengan begitu mudah dan baik oleh tenaga pengajar dan penutur asing jika memahami asas susunan kata dan struktur ayat. Sebelum membincangkan permasalahan dan kaedah mudah memahami pola ayat asas (intralinguistik), statistik dipaparkan dalam jadual mengenai soal selidik terhadap 10 orang mahasiswa antarabangsa yang bersetuju untuk terlibat sebagai responden kajian (merangkumi PA1 hingga PA10 yang dibincangkan). Setiap item dibina dengan skala 1 (sangat tidak setuju), skala 2 (tidak setuju), skala 3 (tidak pasti), skala 4 (setuju) dan skala 5 (sangat setuju). Semua item dijawab oleh 10 orang responden yang terlibat dalam kajian dengan setiap item diwakili oleh peratusan. [Jadual 4](#) adalah mengenai pola ayat asas menerusi penggunaan golongan kata. Seterusnya, [Jadual 5](#) dan [Jadual 6](#) berkaitan dimensi motivasi (ekstralinguistik).

Berdasarkan [Jadual 4](#), pola ayat asas diajari kepada penutur asing/ mahasiswa antarabangsa dengan pendekatan kategori golongan kata yang benar-benar jelas dan tersusun strukturnya. Items atau variabel dalam konstruk Pola Ayat Asas Menerusi Penggunaan Golongan Kata (GK) mengandungi bilangan 11. Dalam kesemua item, kajian menunjukkan hasil skala likert 2 dan 3 begitu menonjol, dan seterusnya skala likert 3 turut serta menunjukkan bilangan yang agak signifikan dengan 2 dan 3. Namun, perkara yang ingin dibincangkan adalah permasalahan memahami pola ayat asas atau susunan kata yang melibatkan subjek dan predikat serta hukum D-M. Setiap skala likert pada setiap item berjumlah seratus yang membawa kepada peratusan masing-masing. Dipaparkan skala likert tidak setuju (2) pada item 1 ialah 15% (kesilapan susunan kata atau struktur ayat asas oleh PA1, PA3, PA5, PA7, PA8), item 2 (25%) (PA1, PA3, PA5, PA6), item 3 (28%) (PA1, PA4, PA5, PA9) dan seterusnya hingga kepada item akhir, 11 (14%) (PA1-PA10). Walaupun boleh dikatakan ramai mahasiswa antarabangsa bersetuju mereka memahami golongan kata yang terdiri daripada frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa tugas dengan pelbagai kaedah seperti berkomunikasi

dengan penutur jati, bantuan tenaga pengajar , penggunaan modul/ buku dan aplikasi teknologi, tetapi ramai juga yang masih tidak bersetuju malah sangat tidak bersetuju dengan perkara tersebut. Oleh itu, perbincangan deskriptif berlandaskan model/kerangka teori kajian Model [Wenying \(2009\)](#) (susunan kata/intralinguistik) dan [Gardner \(2010\)](#) (motivasi/ekstralinguistik) dilakukan sebaik-baiknya dalam kajian ini bagi menjelaskan kesukaran pelajar asing ini. Statistik yang dipaparkan ini, iaitu mengenai permasalahan susunan kata akan dilanjutkan diteruskan dengan subtopik penyelesaian memahami susunan kata mengikut kategori Frasa Nama (N), Frasa Kerja (K), Frasa Adjektif (A) dan Frasa Tugas (T); F: N/K/A/T yang ditekankan pada abstrak.

Jadual 4: Pola Ayat Asas Menerusi Penggunaan Golongan Kata (GK)

Bil.	Item	Skala Likert & Peratusan (%)																
		1	2	3	4	5												
1.	Saya dapat mengenal pasti jenis golongan kata dalam bahasa Melayu. Contoh:	7	15	34	28	16												
	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 25%;">Ali</td> <td style="width: 25%;">makan</td> <td style="width: 25%;">nasi</td> <td style="width: 25%;">panas.</td> </tr> <tr> <td>Kata nama (KN)</td> <td>Kata kerja (KK)</td> <td>Kata nama (KN)</td> <td>Kata adjektif (KA)</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td colspan="2">Frasa nama (FN)</td> </tr> </table>	Ali	makan	nasi	panas.	Kata nama (KN)	Kata kerja (KK)	Kata nama (KN)	Kata adjektif (KA)			Frasa nama (FN)						
Ali	makan	nasi	panas.															
Kata nama (KN)	Kata kerja (KK)	Kata nama (KN)	Kata adjektif (KA)															
		Frasa nama (FN)																
2.	Saya boleh menggunakan frasa nama apabila berkomunikasi dalam bahasa Melayu.	14	25	13	29	19												
3.	Saya boleh memahami golongan kata dengan lebih baik kerana saya dibantu oleh guru, rakan-rakan dan penutur jati.	20	28		31	21												
4.	Saya faham golongan kata kerana saya berusaha sendiri untuk faham.	10	23	8	35	24												
5.	Saya mampu menggunakan frasa kerja semasa bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu.	11	24	19	29	17												
6.	Saya mampu menggunakan frasa adjektif semasa bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu.	19	19	14	38	10												
7.	Saya mampu menggunakan frasa tugas semasa bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu.	13	27	20	25	15												
8.	Saya mempunyai kebolehan membina ayat asas dan mudah dalam perbualan harian.	8	21	9	35	27												
9.	Saya memahami dengan baik tentang pola ayat asas yang diajari oleh tenaga pengajar.	11	19	15	38	17												
10.	Pembelajaran sangat mudah dengan menggunakan modul atau buku.		18	17	39	26												
11.	Saya faham pola ayat asas (subjek-predikat & hukum D-M) dengan bantuan teknologi digital.	8	14	15	38	25												

Jadual 5: Motivasi Integratif

Bil.	Item	Skala Likert & Peratusan (%)				
		1	2	3	4	5
1.	Penguasaan bahasa kedua membantu saya untuk belajar bahasa Melayu.	10	29	8	35	18
2.	Penguasaan bahasa pertama atau/dan ibunda membantu saya untuk belajar bahasa Melayu.	8	18	15	38	21
3.	Saya mudah memahami susunan kata dalam ayat bahasa Melayu.	16	16	15	39	14
4.	Saya senang memahami subjek dan predikat dalam ayat bahasa Melayu.	17	17	19	29	21
5.	Saya mudah memahami bahasa Melayu dengan menggunakan ilustrasi/gambar dalam mencari makna.	11	30	5	41	13
6.	Saya sangat suka belajar bahasa Melayu kerana ingin berkomunikasi dengan orang Melayu.	11	22	7	42	18
7.	Saya sangat suka untuk belajar bahasa Melayu kerana ingin memahami budaya Melayu.		16	16	38	30
8.	Saya sangat berminat terhadap bahasa Melayu kerana saya ingin tahu tentang orang Melayu.		8	24	40	28
9.	Saya sangat gemar belajar bahasa Melayu kerana mahu bercakap dengan pensyarah berbangsa Melayu.		20	12	47	21
10.	Saya minat belajar bahasa Melayu kerana saya suka negara Malaysia.	9	16	16	41	18
11.	Saya percaya dan yakin mempelajari bahasa Melayu (bahasa asing) sangat memberi banyak kelebihan ilmu.	3	10	10	44	33
12.	Saya sangat suka bahasa Melayu kerana saya suka belajar perkara baharu.	4	7	21	39	29
13.	Saya suka kelas bahasa Melayu.	8	18	16	31	27
14.	Saya suka tenaga pengajar bahasa Melayu.	1	11	19	42	27
15.	Saya suka belajar bahasa asing.	9	14	21	41	15

Jadual 6: Motivasi Instrumental

Bil.	Item	Skala Likert & Peratusan (%)				
		1	2	3	4	5
1.	Saya percaya dan yakin mempelajari bahasa Melayu (bahasa asing) sangat memberi banyak kelebihan dalam bidang pekerjaan selepas bergraduasi.		16	18	44	22
2.	Saya sangat suka bahasa Melayu kerana	4	11	12	49	24

	saya rasa kelihatan hebat apabila dapat berbahasa asing.					
3.	Saya suka kelas bahasa Melayu kerana sering mendapat pujian apabila dapat mempraktikkan frasa dan ayat bahasa Melayu.	1	13	10	48	28
4.	Saya suka tenaga pengajar bahasa Melayu.	2	2	13	49	34
5.	Saya sangat bermotivasi untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu apabila menggunakan teknologi digital yang canggih dan efisien		22	7	43	28
6.	Saya gemar belajar dan bercakap bahasa Melayu apabila pembelajaran tidak membosankan		14	9	37	40
7.	Saya teruja berbahasa Melayu apabila mula meyakini kelebihan dan ganjaran berbahasa asing, iaitu bahasa Melayu.	9	10	6	42	33
8.	Saya sangat suka menggunakan bahasa Melayu apabila mendapat manfaat berbentuk material seperti hadiah.	10	18	1	43	28
9.	Saya suka bahasa Melayu apabila mendapat markah bonus daripada tenaga pengajar.	4	28	5	34	29
10.	Saya berminat dengan bahasa Melayu kerana mendapat ganjaran apabila berkomunikasi.		20	8	43	29
11.	Saya lebih bermotivasi berkomunikasi dalam bahasa Melayu setelah dapat memanfaatkannya untuk mendapat sumber pendapatan sampingan seperti penterjemah atau pemandu pelancong.		14	5	40	41
12.	Saya suka belajar bahasa asing.	13	25	10	29	23

Menerusi [Jadual 5](#) (motivasi integratif) dan [Jadual 6](#) (motivasi instrumental), pola ayat asas memerlukan bantuan dan sokongan daripada aspek motivasi integratif dan instrumental untuk lebih cepat dan mudah memahaminya. Dalam 4 buah universiti yang menjadi lokasi kajian dalam kalangan sepuluh orang responden kajian menunjukkan dengan jelas bahawa persekitaran kampus dan warganya sangat diperlukan oleh mahasiswa antarabangsa untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu. Jika tidak, mereka sangat sukar memperoleh praktis pola ayat asas dan meningkatkan kemahiran berbahasa asas dengan fasih dan cekap. Apatah lagi makna dan maksud setiap frasa perlu dihadap dalam satu masa yang terbaik antara penutur asing (mahasiswa antarabangsa → penutur jati). Diperhatikan dalam variabel atau item motivasi integratif dan instrumental ini adalah agak sama jumlah bilangan setiap item yang mana responden yang setuju (skala likert 4) dan tidak setuju (skala likert 2) serta tidak pasti (skala likert 3) agak trampil dan menonjol.

Perbualan harian ayat asas yang merangkumi domain sekitar kampus dan luar kampus yang berkaitan sahaja. Konstruk Motivasi Integratif dalam [Jadual 5](#) menunjukkan pembelajaran atas kerana “ilmu”, “mahu berkomunikasi dengan orang Melayu” dan “memahami budaya Melayu” adalah sangat tinggi, iaitu peratusan antara 29% - 47% (rujuk item 4 & 9) (respon oleh PA2, PA3, PA4, PA7, PA10): [skala 4], dan peratusan

sangat tidak setuju, 13%-33% (rujuk item 5 & 11): (skala 5) (respon/maklum balas yang diberi oleh PA1, PA3, PA6, PA9, PA10).

Penekanan dan huraian yang berbeza daripada Konstruksi Pola Ayat Asas dalam [Jadual 4](#) diberikan pada subtopik di bawah, iaitu frasa nama + frasa nama (subtopik 4.1), frasa nama + frasa adjektif (subtopik 4.2), frasa adjektif (subtopik 4.3) dan frasa tugas (subtopik 4.4) yang berfokus kepada kaedah inovasi memahami pola ayat asas serta motivasi membantu dan menolong dalam cara menyusun ayat dalam pola ayat asas perbualan harian.

Hal ini yang sama pada motivasi instrumental ([Jadual 6](#)), yang mana skala bersetuju dan sangat bersetuju dibincangkan secara deskriptif selepas ini untuk menunjukkan motivasi instrumental berbentuk “ganjaran”, “kelebihan” dan “manfaat secara konkrit dan jelas dapat dilihat” akan disulam dalam membantu memahami pola ayat asas. Ini ditekankan dalam teori/model [Gardner \(2010\)](#) dalam kajian sejak 1950-an dan 1970-an hingga yang terkini yang digunakan dalam kajian ini, iaitu model [Gardner \(2010\)](#). [Gardner \(2010\)](#) menyatakan aspek luar (motivasi integratif dan instrumental) menjadi nilai penting dalam melonjakkan kesungguhan penutur asing mahu belajar, memahami, mengingat dan berusaha mengamalkan bahasa asing dan kedua. Responden kajian yang menyetujui kenyataan ini setinggi 49% yang melibatkan aspek ‘pujian’, ‘ganjaran’, ‘markah bonus’, ‘persepsi rasa hebat apabila mahir berbahasa asing yang dipelajari’, ‘faktor tenaga pengajar’, ‘potensi peluang bidang pekerjaan’ dan ‘faktor kelebihan sesuatu bahasa’.

4.1. Frasa Nama + Frasa Nama

Pola ayat asas yang melibatkan frasa nama dengan frasa nama (FN + FN) lebih mudah difahami oleh mahasiswa antarabangsa apabila mereka dapat melihat pelbagai teks esei pendek/ringkas dan dialog asas tentangnya. Ini merujuk kepada susunan frasa nama yang dikaji dalam [Jadual 4](#). Misalnya, item 1, 2, 3, 4, 8, 9 dan 10. Dalam konteks frasa nama, ia mempunyai susunan kata dan ayat yang mempunyai beberapa makna atau pelbagai makna dan maksud. Namun, dalam dapatan ini akan memfokuskan kepada susunan kata dan struktur ayat (intralinguistik) yang mengandungi makna-makna dan maksud-maksud yang perlu sahaja. Mungkin mempunyai satu makna dalam konteks susunan kata, dua makna atau lebih daripada itu. Contohnya, “nama saya” yang sering diujarkan sebagai “saya nama” ketika mempraktikkan perbualan. FN + FN lain yang sering juga salah diujarkan ialah “saya ayah” (kesilapan menyusun frasa oleh PA1, PA3, PA5), “saya ibu” (kesilapan menyusun frasa oleh PA1, PA3, PA5), “saya kereta” (kesilapan menyusun frasa oleh PA1, PA3, PA5, PA6), “cantik perempuan” (kesilapan menyusun frasa oleh PA2, PA4, PA5, PA10), “kerinting rambut” (kesilapan menyusun frasa oleh PA5, PA7, PA10), “saya asrama” (kesilapan menyusun frasa oleh PA1, PA3, PA5, PA9) dan sebagainya. Hal ini menjadi terbalik atau binaan frasanya sedemikian kerana terpengaruh dengan susunan dalam subjek-predikat dan hukum D-M bahasa sumber, iaitu bahasa Inggeris. Selain itu, kata ganti nama “saya” yang bermakna “I” adalah perkataan paling popular dalam kalangan mahasiswa antarabangsa/penutur asing. Maka, setiap frasa nama yang ingin disusun pasti akan terkeluar dari lidahnya ialah “saya”. Boleh dikatakan apabila ditanya apa-apa soalan sekalipun, pasti frasa “saya” paling mudah diujarkan sebelum mereka memikirkan dan memilih dalam minda perkataan seterusnya untuk diujarkan dalam komunikasi. Kesedaran perkara ini dan penjelasan mengenainya boleh dianggap sebagai inovasi apabila memfokuskan kepada perkara asas yang masih menjadi masalah pembelajaran bahasa kepada penutur asing.

Hal ini boleh dirungkai dengan lebih mendalam apabila diperhatikan ketika bersama-sama memerhatikan penggunaan bahasa oleh mahasiswa tersebut. Adakalanya seperti sengaja dan tidak sengaja menyebut “saya” dalam frasa nama “saya nama” kerana bertujuan ingin mengetengahkan maksud perbualan yang tertentu. Ini tidak menjadi salah kerana sebagai penutur asing mereka berhak untuk menuturkan apa sahaja frasa di awal ayat demi menyampaikan komunikasi yang berkesan bersama-sama penutur jati dan tenaga pengajar. Maksudnya begini, “saya.....” dijedakan kurang lebih hampir beberapa saat sementara mencari perkataan “... nama”, “...ayah”, “...ibu”, “...kereta”, “...cantik” dan sebagainya. Hal ini sama ada mereka masih mengingati perkataan seterusnya, ataupun sedang memikirkan frasa berbeza untuk menyampaikan maksud ayat lengkap, menunggu reaksi non verbal daripada pihak lawan tutur dan maksud tertentu. Ini satu situasi wacana asas yang menarik dan hebat dilakukan oleh penutur asing bersama-sama penutur jati dan natif atau sesama penutur asing untuk mempraktikkan bahasa Melayu.

Penghayatan frasa ini boleh dikukuhkan lagi misalnya melalui perbualan dalam aplikasi Whatsapp, Telegram dan sebagainya antara tenaga pengajar dan pelajar mahupun antara tenaga pengajar dengan semua pelajar dalam pembentukan kumpulan Whatsapp dan Telegram tersebut (motivasi instrumental - [Jadual 5](#)/item 5). Ini adalah antara motivasi seperti yang dipaparkan dalam item [Jadual 5](#) dan [Jadual 6](#). Ini dipanggil sebagai motivasi yang diamalkan selepas pembelajaran dalam kelas mengikut silibes dan buku. Namun, peranan guru untuk mewujudkan suasana perbualan mengikut penyertaan setiap individu perlu dipastikan kerana hanya tenaga pengajar yang benar-benar memahami kepentingan memberi asas kukuh aspek intralinguistik dalam pola ayat asas ini akan berjaya memandu penutur asing dan mahasiswa antarabangsa mencapai sejumlah ayat untuk bercakap dan berkomunikasi. Ini dalam [Jadual 5](#) (motivasi integratif) melalui item 9 dan 14, manakala [Jadual 6](#) (motivasi instrumental) melalui item 4 dan 9). Aspek motivasi sebagai ekstralinguistik. Ini adalah sebahagian data yang dikeluarkan daripada data soal selidik dan dihuraikan secara deskriptif.

Seterusnya, padanan makna bagi bahasa ibunda dalam kalangan majoriti penutur asing ialah bahasa Cina. “Nama saya” dalam bahasa Cina ialah “*Wǒ de míngzì*”. Frasa tersebut disusun dengan M-D, iaitu sama dengan bahasa Inggeris. Namun, tidak kesemua ayat dalam bahasa Cina mengikut M-D. “*Wǒ*” bererti “saya”, manakala “*míngzì*” ialah “nama”. “*de*” pula ada makna tersendiri dalam susunan kata tersebut. Kata “*de*” ialah partikel dalam bahasa Cina yang menunjukkan salah satu domain gramatis di bawah sub-prinsip tatabahasa atau salah satu golongan kata yang terdapat dalam ayat. Penggunaan “*de*” adalah mengikut konteks padanan makna ayat. Salah satunya merujuk pada yang hubungan rapat dan sebaliknya. Contoh ayat, “*lǎo pengyou*” (*friends of long time*/ kawan lama) dan “*lǎo de pengyou*” (*friends of old age*/ kawan pada hari tua). Menurut [Wenying \(2009, p. 160\)](#), partikel “*de*” tersebut biasanya digunakan untuk menunjukkan hubungan yang intim dan rapat dan sebaliknya. “Kawan lama” itu dikaitkan dengan hubungan yang rapat, manakala “kawan pada hari tua” merujuk hubungan biasa yang tidak rapat. Dalam analisis topik perkenal diri, frasa “*Wǒ de míngzì*” (susunan “saya (kepunyaan/pemilikan) / punya nama) disusun dengan unsur menerangkan didahulukan sebelum unsur diterangkan. “*De*” dalam frasa ini berfungsi sebagai kata tugas yang merujuk kepada pemilikan kepada subjek. Sama juga seperti kata benda keterangan (*modifier*) dalam ayat mudah “*我的书* (*wǒ de shū* buku saya” yang mana “*de*” menunjukkan pemilikan kepada “saya” dan “*hóngsè de yīfú*” (baju berwarna merah), iaitu warna merah dimiliki oleh baju. Selain daripada itu, partikel “*de*” boleh berfungsi sebagai pelengkap frasa, kata keterangan tambahan dan

partikel pelengkap “*xiě dé piāoliàng*” (tulisan cantik), cantik merupakan pemilikan kepada frasa nama “tulisan.”

Selanjutnya ialah padanan dengan bahasa ibunda yang lain, iaitu bahasa Arab. “*Asmi*” (nama saya) ialah padanan makna dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab, iaitu salah satu lagi pengaruh bahasa (bahasa ibunda) dalam kalangan responden kajian. Susunan kata dalam bahasa Arab boleh menjadi VSO (*ate I apple/* makan saya epal), OSV (contoh tulisan: اكلت انا تفاحة / *apple I ate /* epal saya telah makan) dan SVO. Susunan kata bahasa Arab merangkumi golongan kata isim (kata nama), fe’el (kata kerja) dan haraf (kata tugas) dan teknikalnya pula, iaitu penulisan adalah dari kanan ke kiri. “*Asmi*” ialah isim yang dikenal pasti melalui tanda kasroh (berbaris bawah). Susunan katanya satu perkataan sahaja berbanding dalam bahasa Melayu (nama saya) ialah dua perkataan. Perbezaan jumlah kosa kata dalam frasa tertentu memerlukan rujukan kepada inti dan istilah. Tenaga pengajar perlu menerangkan kepada penutur asing tentang perkara ini dengan beberapa contoh padanan makna frasa yang membawa kepada susunan kata pada awal minggu pembelajaran agar padanan makna lebih mudah difahami seperti “nama saya”, “*my name*”, “*wǒ de shū*” dan “*asmi*”.

4.2. Frasa Nama + Frasa Adjektif

Frasa Nama + Frasa Adjektif boleh dianggap sama seperti susunan dan struktur ayat yang melibatkan Frasa Nama + Frasa Nama yang dijelaskan sebelum ini. Namun, setiap pengajar dan penutur asing perlu mengetahui asas dalam frasa adjektif ialah terdapatnya frasa nama bersamanya dan di depannya. Contohnya, nasi sedap. “Nasi” frasa nama dan “sedap” kata adjektif. Dalam bahasa Inggeris menjadi “*delicious rice*” yang susunannya terbalik atau binaan mendahulukan keterangan berbanding menerangkan. Jika ditunjuk dalam petikan esei dan dialog:

Ali: *Saya makan nasi panas.* [FA]

Fatimah: *Awak makan dengan apa?*

Ali: *Saya makan dengan ayam goreng.*

Fatimah: *Oh. Baguslah.*

Abu: *Saya makan nasi. Saya makan selepas kelas statistik.* [FN]

Abdullah: *Saya ada kelas perubatan [FN]. Selepas itu, saya mahu minum sahaja.*

Frasa yang bergaris ialah FN + FA, “nasi panas”. Frasa seterusnya ialah FN+FN, “kelas statistik” dan “kelas perubatan”. Kedua-dua frasa ini sangat menarik untuk diterangkan kepada penutur asing, mahasiswa antarabangsa mahupun difahami oleh tenaga pengajar mereka. Ia perlu disusun terbalik tetapi dalam dua frasa berbeza, iaitu satu FA dan satu FN. Hal ini kerana ketiga-tiga frasa ini (nasi panas, kelas statistik dan kelas perubatan) hanya perlu disusun mengikut hukum D-M (diterangkan dan menerangkan) daripada bahasa Inggeris/ bahasa kedua penutur yang mengikut M-D (*hot rice, statistic class* dan *medical class*). Ini adalah satu inovasi memahami pola ayat asas. Perhatikan sahaja pada kesemua petikan esei dan dialog topik/domain asas yang dipelajari mahasiswa/i antarabangsa, jika diletakkan terjemahan, begitu banyak dapat ditunjukkan susunan frasa ini dapat dikenal pasti. Ini dapat memudahkan mahasiswa antarabangsa untuk membina ayat ketika bercakap. Cuma untuk Frasa Nama/Adjektif + Frasa Kerja, frasa ini apabila dipadankan makna atau diterjemahkan tidak perlu disusun terbalik atau binaan pola ayatnya menjadi M-D (aspek intralinguistik). Hal ini boleh dilakukan oleh tenaga pengajar dengan menterjemah teks-teks atau petikan dalam

bahasa Inggeris untuk topik asas. Malah, topik tahap pertengahan dan lanjutan juga boleh diterjemahkan dan dilihat begitu banyak susunan frasa tersebut dapat dilihat. Tetapi harus diingat ia hanya melibatkan frasa nama dan frasa adjektif dua perkataan, bukan merangkumi frasa yang lebih daripada dua perkataan. Kesilapan frasa nama + frasa adjektif ini dilakukan oleh PA1, PA3, PA5, PA7, PA9) kerana faktor salah faham terhadap hukum D-M dan satu faktor lagi adalah menyebut kosa kata mana yang hadir terlebih dahulu di minda atau disebut sebagai turutan penguasaan kosa kata ketika mempraktikkan frasa tersebut dalam domain/situasi/topik tersebut.

Untuk tahap pertengahan dan lanjutan pula, ia memerlukan kepakaran tenaga pengajar, tidak kira sama ada guru bahasa atau pensyarah bahasa. Mereka mesti memastikan terjemahan dan padanan ayat dan frasa tidak begitu setia dengan susunan "*back to back translation*" atau dalam kata lain terjemahan asas. Sebahagian besar mahupun kecil ayat pertengahan dan lanjutan membuat terjemahan dengan begitu memilih padanan frasa yang paling sesuai sehingga binaan susunan kata bagi frasa dan ayat pendek serta panjang menjadi tidak "setia" kepada padanan makna. Maksudnya penggunaan frasa dan ayat berbeza akan digunakan jika ia lebih mencapai maksud. Itu bagi tahap pertengahan dan lanjutan. Namun, kajian AIE.PA ini memfokuskan kepada tahap asas pelajar asing yang hanya menggunakan frasa asas sebagaimana yang diterangkan dari awal peringkat pengenalan makalah ini lagi.

Praktikal frasa-frasa ini perlu dipastikan melalui situasi motivasi yang kuat oleh tenaga pengajar dengan mahasiswa antarabangsa melalui integrasi motivasi secara integratif dan instrumental (rujuk [Jadual 5](#); item 13,14 dan 6; item 4,6,10). Integratif yang lebih memfokuskan kepada kecenderungan kepada mahukan ilmu, memahami budaya, mahu dapat berkomunikasi dan sebagainya. Manakala, instrumental tentang perlunya faktor luar seperti ganjaran dan meyakini kelebihan sesuatu bahasa asing yang diusahakan untuk dikuasai. Selain melalui platform media sosial, ia boleh dilakukan melalui perbualan secara fizikal selepas kelas atau semasa kelas berlangsung dengan menekankan kepada konteks dalam item seperti item dalam jadual ([Jadual 5](#); contohnya item 1,2,3,4,5 dan [Jadual 6](#); contohnya item 1,2,3,4,5) dengan aktiviti simulasi dan lakonan santai. Perkara ini adalah aspek ekstralinguistik.

Ini melibatkan topik asas dan boleh juga melibatkan topik lanjutan jika tenaga pengajar berjaya mengenal pasti sesetengah mahasiswa yang begitu cepat atau telah menguasai bahasa Melayu asas. Tenaga pengajar perlu lebih interaktif dan menggunakan bantuan alat mengajar untuk mengesan tahap keupayaan penutur asing ini. Barulah ia dapat meningkatkan jumlah kosa kata dan ayat gramatis dalam kalangan pelajarnya sekaligus meningkatkan motivasi yang menyeronokkan. Ini adalah contoh dan sebahagian data dan dapatan yang dihuraikan. Item-item lain juga wajar dijadikan motivasi untuk memahami pola ayat asas termasuklah kenyataan dalam [Jadual 4](#) yang mengaitkan dengan memahami frasa, pola ayat, subjek-predikat dan hukum D-M. Manakala item-item lain juga yang wajar dijadikan motivasi untuk memahami pola ayat asas daripada kenyataan dan item dalam [Jadual 5](#) berkaitan mempelajari bahasa dan budaya untuk memahaminya, untuk berkomunikasi dengan orang Melayu dan mendapatkan ilmu (integratif) (ini adalah rangkuman daripada 15 item yang terdapat dalam [Jadual 5](#). Serta [Jadual 6](#) berkaitan mempelajari bahasa Melayu apabila meyakini mendapatkan ganjaran dan kelebihan daripada bahasa asing tersebut (instrumental) (ini adalah rangkuman daripada 12 item yang terdapat dalam jadual tersebut).

4.3. Frasa Kerja

Frasa Kerja merupakan satu frasa yang lebih mudah difahami kerana susunan pola ayatnya tidak perlu disusun mengikut D-M kepada M-D. Ini seperti kesukaran memahami pola ayat yang dinyatakan dalam item-item dalam [Jadual 4](#). Ia hanya perlu disusun mengikut binaan ayat bahasa sumber. Namun, ini masih diakui sukar difahami oleh penutur asing (PA1, PA2, PA5, PA6, PA8). Maka, ia sangat perlu dipermudah untuk mereka memahami dan menyusun frasa dalam ayat. Misalnya, "Saya menaiki basikal di asrama." / "*I ride a bike in the hostel.*"

"Menaiki basikal" dan "ride a bike" hanya perlu disusun sama dengan pola dalam ayat bahasa Melayu. Namun, penggunaan "a", "the" dan sebagainya dalam ayat tersebut memerlukan pengetahuan nahu daripada tenaga pengajar untuk diterangkan kepada penutur asing. Tidak perlu menerangkan secara mendalam, cukup sekadar asas sesuai dengan tujuan pembelajaran menguasai ayat asas. Pembelajaran ini akan lebih kukuh dengan motivasi daripada tenaga pengajar yang berketerampilan mahupun tenaga pengajar yang bijak dalam memasukkan unsur komunikasi interaktif. Ini seperti penggunaan medium digital, media sosial, pembelajaran luar kelas, persembahan dan sebagainya seperti yang diterangkan dalam frasa nama dan frasa adjektif. Ini bermaksud perkara-perkara motivasi yang diterangkan dan dikaitkan dengan item dalam [Jadual 5](#), dan [Jadual 6](#).

4.4. Frasa Tugas

Pembelajaran pola ayat asas yang melibatkan frasa tugas juga adalah mudah kerana frasa ini melibatkan satu frasa sahaja dalam satu-satu ayat. Contohnya, "Ibu dan ayah saya beli baju *di* kedai." Kata sendi "*di*" jika dipadankan dengan bahasa sumber bahasa Inggeris "My mom and dad bought clothes *at* the store." Susunan polanya sama sahaja tanpa perlu diubah seperti frasa nama dan adjektif. Tetapi terdapat penggunaan "the" di situ. Maka, sama seperti frasa kerja, tenaga pengajar memerlukan pengetahuan nahu bahasa Inggeris untuk menerangkannya. Frasa tugas ini amat perlu diterangkan kepada mereka. Jika tidak amat sukar untuk meletakkan satu frasa tugas dalam satu ayat. Penutur asing terfikir, adakah ia mempunyai dua frasa atau tiga frasa seperti yang perlu disusun dalam frasa nama + frasa nama ataupun frasa nama + frasa adjektif. Responden yang mengakui perkara ini adalah PA1, PA3, PA5, PA6, PA8, PA9). Ini bermaksud cukup sekadar asas nahu bahasa sumber untuk melihat perbezaan pola asas ini. Kesukaran memahami frasa tugas ini adalah seperti yang terkandung dalam item [Jadual 4](#), iaitu kesukaran memahami pola ayat asas bagi frasa tertentu termasuk frasa tugas.

Frasa tugas mengandungi pelbagai kategori. Antaranya termasuklah kata sendi, kata nafi, kata hubung dan sebagainya. Hanya frasa tugas yang sering digunakan sahaja perlu diajari. Antaranya, "*di*", "*daripada*", "*dari*", "*kepada*", "*pada*", "*atau*", "*sudah*", "*masih*", "*belum*", kata-kata tanya dan sebagainya. Dalam hal ini, penggunaan frasa tugas boleh diamalkan semenjak pembelajaran frasa nama di minggu awal kuliah lagi kerana frasa tugas mudah dijumpai dalam mana-mana pola dan susunan ayat asas, mahupun tahap pertengahan dan lanjutan. Ia boleh disokong pemahamannya melalui motivasi inetgratif dengan meyakinkan tentang kepentingan ilmu berbahasa asing seperti item 1-15 dalam [Jadual 5](#). Dan ia sangat perlu disokong lagi dengan motivasi instrumental, iaitu meyakini kelebihan dan ganjaran berbahasa asing seperti dalam rangkuman 12 kenyataan item yang terkandung dalam [Jadual 6](#).

5. Kesimpulan

Kajian berkaitan instralinguistik dan ekstralinguistik untuk penutur asing (AIE.PA) ini adalah kajian yang dijalankan agak lama, iaitu mengikut kronologi dalam metode yang telah diterangkan. Kemudian, terhasilnya inovasi berdasarkan fenomena terkini dalam pembelajaran bahasa Melayu kepada penutur asing dan mahasiswa/i antarabangsa yang melanjutkan pengajian di Malaysia. Inovasi AIE.PA dihasilkan untuk memudahkan pemahaman terhadap pembinaan pola ayat paling asas dalam kalangan penutur asing/mahasiswa antarabangsa. Ia telah melalui proses kajian yang begitu berperingkat dan mendalam bagi membuktikan keperluan kepada pengajaran dan pembelajaran frasa paling asas atau akar umbi bagi kursus bahasa Melayu untuk mahasiswa antarabangsa. Ini menghasilkan dan diharapkan meyakinkan semua pihak terlibat dalam penawaran dan pembelajaran kursus ini bahawa perlunya pembelajaran frasa disertai motivasi kukuh berdasarkan topik perbualan, konsep penawaran kelas dan tahap keupayaan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Tidak berkenaan

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Tidak berkenaan

Kewangan (*Funding*)

Tidak berkenaan

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Berdasarkan kajian ini, penulis mengisytiharkan tiada sebarang konflik kepentingan berhubung dengan penyelidikan, penulisan atau penerbitan bagi artikel ini.

Rujukan

- Abdullah Hassan, Mardian Shah Omar & Hasmidar Hassan. (2023). *Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Burgess, R. (2006). *In the Field: Introduction to Field Research*. London, Routledge.
- Gardner, R. C. (2010). *Motivation and Second Language Acquisition: The Socio-Educational Model*. New York: Peter Lang Publishing.
- Gardner, R. C. (2005). Integrative Motivation and Second Language Acquisition. Proceedings from the Canadian Association of Applied Linguistics/Canadian Linguistics Association Joint Plenary Talk. May 30, London, Ontario.
- Gardner, R. C. & Lambert, W. E. (1959). Motivational Variables in Second Language Acquisition. *Canadian Journal of Psychology*, 13, 266-272. <http://dx.doi.org/10.1037/h0083787>
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2021). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan. Amalan dan Analisis Kajian*. Penerbit: Universiti Malaya.

- Juwairiah Osman & Mardian Shah Omar. (2024). Komunikasi Intralinguistik dalam Kemahiran Berbahasa Penutur Asing. *Jurnal Linguistik*, 28(1). 100-118. <https://plm.org.my/wp-content/uploads/2024/05/7.-Komunikasi-Intralinguistik-dalam-Kemahiran-Berbahasa-Penutur-Asing.pdf>
- Juwairiah Osman, Mardian Shah Omar & Salinah Ja'afar. (2023). Aspek Intralinguistik dalam Penguasaan Bahasa Melayu kepada Penutur Asing. *Jurnal Linguistik*, 27(1), 80-96. <https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/article/view/272/190>
- Juwairiah Osman, Mardian Shah Omar, Salinah Ja'afar, Zaiton Zakarya & Nurul Afifah Adila Mohd Salleh. (2022a). Kepentingan Elemen Intralinguistik dalam Penguasaan Bahasa Melayu oleh Penutur Asing. *Seminar Antarabangsa Linguistik dan Kebudayaan Bahasa Melayu ke 11 (SALPBM XI)*, 189 - 208. https://fbmk.upm.edu.my/upload/dokumen/20220920221926PROSIDING_PENUH_SALPBM_11_DENGAN_COVER.pdf
- Juwairiah Osman, Mardian Shah Omar & Salinah Ja'afar. (2022b). Tumpuan Aspek Intralinguistik dan Ekstralinguistik dalam Pembelajaran Bahasa Melayu kepada Penutur Asing pada Era Norma Baharu. Norizah Ardi et al. (Ed.). *Prosiding Seminar Linguistik Kebangsaan (SLiK)*, p. 53-57.
- Juwairiah Osman, Mardian Shah Omar, Salinah Jaafar, Zuraina Ali, Suryanti Awang, Haslinda Hashim & Mardhiyyah Zamani. (2021). Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Kepada Penutur Asing: Pendekatan Teknologi (Apps) dan Program Pengukuhan Berdasarkan Model Kolb. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 5(1), 65-82. <https://itlj.utm.my/index.php/itlj/article/view/66>
- Klimova, B., Habeb Al-Obaydi , L., Tawafak, R. M., & Pikhart, M. (2023). The design features of digital games and their impact on language learning for EFL college students, 29 June 2023, *PREPRINT* (Version 1) available at Research Square [<https://doi.org/10.21203/rs.3.rs-3078695/v1>]
- Mardian Shah Omar. (2018). Kelas Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing. Nuraihan Mat Daud (Ed.). *Bahasa Melayu untuk Penutur Asing: Isu dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. P. 1-21. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mardian Shah Omar, Hasmidar Hasan, Salinah Jaafar & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. (2018a). *Halangan dalam Berbahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Indonesia di Malaysia*. Khazanah Melayu Serumpun Dalam Era Baharu (pp. 87-97). Kuala Lumpur: Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu, Universiti Malaya.
- Mardian Shah Omar, Hasmidar Hassan & Puteri Roslina Abdul Wahid. (2018b). Strategi Pengajaran Bahasa Melayu Terhadap Pelajar Asing dari Indonesia. *Kertas Kerja Seminar untuk Penutur Asing. Pusat Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Langkawi, Kedah*. https://www.ukm.my/kitbm/wp-content/uploads/artikel/all_kertas_kerja_seminar_BM_untuk_PA.pdf
- Mardian Shah Omar & Mashrom Muda. (2019). Kemahiran Komunikasi Penutur Asing: Aplikasi Pendekatan Telefon Pintar dan Internet. *Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 353-367. <https://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/36834>
- Wenying, J. (2009). *Acquisition of Word Order in Chinese as a Foreign Language (Studies on Language Acquisition)*. Press: De Gruyter Mouton.